

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
MAKAN MALAM MCSA DI HOTEL MERLIN,
KUALA LUMPUR, PADA 13HB FEBRUARI, 1971

Yang Dipertua, Persatuan Perkhidmatan Tadbir Malaysia; Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin¹ dan Puan Sri Zainab; Tan Sri-Tan Sri, Datuk-datuk, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih atas jemputan Yang Dipertua kepada saya dan isteri saya menghadiri jamuan pada malam ini. Saya turut berbangga bahawa pada satu masa dahulu, saya sendiri termasuk dalam golongan ini dan oleh itu bolehlah dikatakan perhimpunan malam ini sebagai reunion angkatan lama dan baru.

Tuan-tuan dan puan-puan, saya sungguh dukacita jamuan ini tidak dapat berlangsung pada waktu asal bulan lalu kerana negara dan Ibu Kota kita dilanda banjir yang dahsyat sekali dan saya berbangga pihak M.C.S.A. bersama-sama merasakan tanggungjawab kita pada waktu kecemasan seperti itu.

Tuan-tuan dan puan-puan: Saya sungguh berbesar hati dengan ikrar M.C.S.A. yang dilafazkan oleh Yang Dipertua tuan-tuan dan puan-puan tadi untuk berusaha lebih giat lagi dalam melaksanakan segala dasar-dasar Kerajaan.

Sepertimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Kerajaan baru yang saya pimpin berazam hendak melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan tegas dan lebih berkesan. Ini memerlukan pengertian yang sepenuhnya daripada pegawai-pegawai Kerajaan serta sokongan mereka. Adalah mustahak pegawai-pegawai Kerajaan mengambil "fresh approach" dalam menghadapi masalah rakyat dan menyelesaikannya tanpa melibatkan red-tape seperti zaman kolonial masa-masa lampau.

Perkara yang penting diingat ialah peraturan-peraturan yang kita adakan hendaklah bertujuan mengatasi masalah-masalah

¹ Ketua Setiausaha Negara.

dan menyelesaikan masalah-masalah itu demi kebajikan rakyat dan negara. Kalau ada peraturan-peraturan yang menghalang tujuan-tujuan kita hendaklah dipinda.

Tugas hari depan negara tentu semakin berat dan dalam keadaan itu jentera kerajaan hendaklah sentiasa in good running order bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Adalah kewajipan setiap pegawai Kerajaan, terutama pegawai-pegawai kanan, memahami sepenuhnya bukan saja dasar-dasar Kerajaan tetapi juga semangat satu-satu dasar itu dan matlamat tujuannya. Kalau tidak, tentulah mereka tidak dapat melaksanakannya dengan penuh minat dan dengan jayanya.

Oleh itu, terpulanglah kepada inisiatif kita sendiri mengkaji sesuatu dasar dan memikirkan apa-apa cara yang sesuai melaksanakannya dengan tidak menimbulkan masalah kepada kita dan kepada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan: Saya maklum Persatuan tuan-tuan mengalami beberapa kelemahan akhir-akhir ini. Ini tidak harus berlaku kerana perkhidmatan P.D.L.N. merupakan perkhidmatan yang utama di negara kita dan Persatuan M.C.S.A. ini sepatutnya merupakan satu Persatuan yang teguh dan kukuh serta dinamik.

Sering saya telah menyeru pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk turut serta aktif dalam Persatuan-persatuan kerana melalui persatuan seperti ini banyak faedah-faedah yang boleh didapati cara langsung atau tidak.

Semangat kerjasama dan muhibbah, bimbingan dan persefahaman dapat dipupuk melalui aktiviti-aktiviti persatuan. Saya harap seluruh pegawai P.D.L.N. akan memberi sokongan untuk mengukuhkan persatuan ini.

Ada satu perkara yang ingin saya sebutkan di sini iaitu perhubungan di antara pegawai-pegawai pentadbir di berbagai peringkat. Nampaknya ada sesuatu yang memisahkan pegawai-pegawai yang muda dengan pegawai-pegawai yang lebih tua. Masalah ini perlu diatasi bukan semata-mata sebab untuk kepentingan dan masa depan perkhidmatan dan persatuan ini tetapi juga bagi faedah negara. Pegawai-pegawai yang lebih tua merupakan perbendaharaan pengalaman sedangkan pegawai-pegawai muda merupakan pemimpin-pemimpin masa depan dan

tali penyambung kedua-dua peringkat persatuan adalah di atas asas saling hormat menghormati. Dengan penyatuan ini akan lahir tenaga dan kekuatan perkhidmatan amnya dan Persatuan ini khasnya. Dengan ini pula perkhidmatan dan Persatuan tuan-tuan dapat memberi sumbangan dan pendapat-pendapat yang membina secara bertanggungjawab untuk kebaikan rakyat dan negara amnya.

Saya dapat tahu salah satu aktiviti tuan-tuan ialah mengadakan rancangan-rancangan lawatan sambil belajar untuk ahli-ahli Persatuan tuan. Ini adalah satu aktiviti yang baik. Kerajaan memang menggalakkan pegawai-pegawai mengadakan kunjungan semacam ini supaya mereka dapat meluaskan pengetahuan dan pengalaman mereka dan seterusnya memperbaiki perkhidmatan mereka kepada Kerajaan dan Negara. Saya bersedia menimbangkan permohonan Persatuan tuan-tuan untuk mendapat bantuan Kerajaan dalam perkara ini.

Berkenaan dengan perkara percantuman perkhidmatan tadbir dengan perkhidmatan luar negeri, saya tahu masih belum terdapat interchange ability sepertimana yang dikehendaki semenjak perkhidmatan ini dipersatukan dahulu.

Bagaimanapun, ada juga satu dua case di mana pegawai-pegawai kanan dari luar negeri masuk berkhidmat semula dalam perkhidmatan dalam negeri dan membawa pengalaman-pengalaman yang berguna kepada pejabat-pejabat di mana mereka ditempatkan. Saya tertarik hati dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Dipertua tadi iaitu menimbangkan nama baru "Malaysian Civil dan Diplomatic Service" bagi menggantikan P.D.L.N. dan ada baiknya persatuan-persatuan tuan-tuan mengemukakan cadangan ini secara rasmi kepada Kerajaan supaya dapat dikaji dan ditimbangkan selanjutnya.

Saya sukacita mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli persatuan ini yang telah mendapat kenaikan pangkat dan semoga contoh yang mereka berikan ini menjadi tauladan yang baik kepada pegawai-pegawai yang lebih muda supaya mengikut jejak langkah mereka di masa hadapan. Saya sukacita juga mendapat tahu selepas Ibu Kota mengalami bencana banjir bulan lalu, ramai pegawai-pegawai perkhidmatan tadbir

telah menjalankan rancangan-rancangan membantu penduduk-penduduk membersihkan tempat kediaman mereka supaya mereka dapat memulakan kehidupan seperti sediakala. Inisiatif seperti ini sesungguhnya amat menggembirakan dan semuga semangat sukarela dan sedia membantu orang-orang yang kurang bernasib baik akan dapat berkembang luas di kalangan pegawai-pegawai kita amnya.

Akhirnya, saya sekali lagi berseru kepada tuan-tuan dan puan-puan supaya bergerak terus memperkemaskan persatuan M.C.S.A. ini untuk menjadi sebuah pertubuhan yang lebih berkesan serta bermenafaat bukan saja kepada ahli-ahlinya bahkan kepada rakyat dan negara seluruhnya. Saya suka juga mengulangi hasrat suka melihat lebih ramai lagi pegawai-pegawai muda-muda kita menjadi ahli Lake Club supaya dengan demikian kita dapat peluang untuk bertemu sesama sendiri membincangkan masalah-masalah yang kita hadapi dari masa ke semasa dalam suasana yang lebih relaxed dan gembira.

Saya berharap dan berdoa semuga Persatuan tuan berjaya dan terus maju dalam usaha-usahanya.